

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 JANUARI 2022

AKHBAR : BERNAMA

CAPAIAN : <https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2046925#.YfFMsWEY27g.twitter>



Datuk Seri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)

KUALA LUMPUR, 26 Jan -- Pelan ekonomi digital di peringkat negeri akan diselaraskan melalui Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat (MED4IR) Negeri, antaranya bagi memastikan mekanisme pelaksanaan inisiatif yang lebih dekat kepada penerima disasarkan, selaras dengan konsep Keluarga Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata MED4IR yang bermesyuarat buat kali pertama semalam turut bertujuan menyelaras inisiatif- inisiatif negeri bagi mengelakkan pembaziran sumber akibat pertindihan inisiatif.

Menurutnya MED4IR Negeri juga akan menjadi platform agar perancangan dan pelaksanaan inisiatif ekonomi digital di peringkat negeri dan Persekutuan dapat diselaraskan lebih teratur serta dijajarkan dengan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (RTEDM) dan Dasar 4IR Negara.

"Selain itu, MED4IR Negeri juga berperanan untuk menggariskan strategi bagi meningkatkan penerimahaan digital di peringkat negeri.

"Ekonomi digital adalah satu daripada pemangkin penting kepada transformasi ekonomi negara," katanya dalam kenyataan hari ini.

Turut hadir dalam mesyuarat itu ialah Timbalan Ketua Menteri Sarawak merangkap Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru II Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah Datuk Yakub Khan, Ahli Majlis Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab terhadap portfolio ekonomi digital, Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan wakil-wakil Unit Perancang Ekonomi Negeri.

Mustapa berkata mesyuarat itu turut mengambil maklum bahawa semua negeri telah mempunyai pelan ekonomi digital yang kini dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Justeru, beliau berkata kerajaan Persekutuan mengalu-alukan kerjasama dan sokongan berterusan kerajaan negeri untuk menyelaras pelaksanaan inisiatif di peringkat negeri masing-masing.

Dalam pada itu, beliau berkata mesyuarat juga mengambil maklum mengenai kemajuan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025, manakala sesi libat urus PSPSA akan dijalankan berterusan kepada semua peneraju utama kementerian, pejabat SUK negeri atau agensi dalam melaksanakan program dan inisiatif pendigitalan.

Selain itu, beliau berkata kedudukan Indeks Perkhidmatan Dalam Talian (OSI) Malaysia telah meningkat kepada kedudukan ke-24 pada 2020, berbanding kedudukan ke-27 pada 2018 dan kedudukan ke-40 pada 2016 dengan sasaran berikutnya untuk meningkatkan kedudukan OSI negara pada tangga ke-12 menjelang 2025.

Mengenai usaha pendigitalan sektor awam, beliau berkata sehingga akhir tahun lepas, sebanyak 30 daripada 40 agensi kerajaan dan badan berkanun yang disasarkan telah menggunakan platform perkongsian data kerajaan (MyGDX), manakala 78 peratus kementerian badan-badan berkanun yang disasarkan telah menyediakan pilihan bayaran tanpa tunai.

Selain itu, beliau berkata, untuk tempoh yang sama, terdapat 57 perkhidmatan End to End (E2E) sektor awam yang merangkumi penggunaan teknologi digital, manakala 15 kementerian dan agensi telah mula menerima tanda tangan digital.